

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua

Sidang 1986/87

HKB 402 - Seminar Dalam Kesusasteraan Bandingan

Tarikh: 9 April 1987

Masa: 9.00 pagi - 12.00 t/hari
(3 jam)

Jawab EMPAT(4) soalan.

1. Perincikan sejarah perkembangan dan kebangkitan gerakan strukturalisme di dalam dunia kritikan kesusasteraan. Bezakan kaedah-kaedah bacaan yang diketengahkan oleh Claude Levi-Strauss dan Roman Jakobson. Perbincangan anda hendaklah disertakan dengan gagasan kedua-dua tokoh berkenaan dengan memberikan tumpuan kepada peranan bahasa di dalam usaha memperoleh makna-makna teks.
2. Bandingkan kenyataan ini "Teks menghasilkan makna, makna mencorakkan hidup. Sebaliknya pembaca mentafsir sesebuah teks melalui citarasa mereka sendiri" dengan "Makna teks tidak berubah, sebaliknya yang berubah ialah tafsiran". Nyatakan perbezaan dan persamaan kaedah-kaedah yang menekankan kepada kenyataan-kenyataan berkenaan. Di manakah pendirian anda?
3. Apakah yang dimaksudkan oleh Riffaterre apabila beliau mengatakan "...by saying something, a poem says something else". Jawaban anda hendaklah dirujukkan kepada hakikat penafsiran sajak di bawah:

THE SICK ROSE

O rose, thou art sick!
The invisible worm,
That flies in the night,
In the howling storm,

Has found out thy bed
Of crimson joy;
And his dark secret love
Does thy life destroy.

Oleh:
William Blake

4. Jelaskan pengertian semiotiks di dalam ilmu kritikan kesusasteraan. Berikan asas-asas bacaannya dengan mengambil contoh sebuah Cerita Jenaka Tempatan. Kemudian bandingkan perbezaan dan kesamaan yang diberikan oleh tokoh-tokoh seperti Charles Sanders Peirce, Umberto Eco dan Charles Morris mengenai dengan pengertian lambang atau lambang-lambang tanda yang menjadi asas pengkajian semiotiks.
5. Apakah yang anda tahu mengenai Mythoi dan peranannya di dalam proses penciptaan sesebuah teks. Gunakan konsep ini untuk memberikan satu gambaran jelas tentang ciri-ciri utama di dalam kaedah bacaan strukturalis. Jawaban anda hendaklah disertakan dengan contoh cerita Ranjau Sepanjang jalan dengan memberikan penekanan kepada struktur-struktur sintagmatik dan paradigmatis yang berupaya menimbulkan ciri-ciri "oposisi watak" cerita berkenaan.
6. Telitikan pantun di bawah dan bincangkan dari segi "moral" dan "etika" falsafah hidup orang-orang Melayu.

Buah cempedak di luar pagar
Ambil galah tolong jolokkan
Saya budak baru belajar
Kalau salah tolong tunjukkan.

Huraian anda hendaklah berdasarkan kepada ciri-ciri semiotiks yang dicadangkan oleh Yuri (Yu) M. Lotman seperti yang terkandung di dalam Analysis of the Poetic Text (1976).

7. "The linguistic sign unites, not a thing and a name, but a concept and a sound image"

(Course In General Linguistics, 1916)

Telitian petikan di atas dan kemudian nyatakan kenapakah dikatakan hubungan di antara konsep dan imej-imej bunyi sebagai wewenang. Jawaban anda hendaklah disertakan dengan lakaran rajah yang sesuai untuk menguatkan hujah bahawa "di dalam bahasa, makna terjadi hasil dari proses pemeguan".
8. Pembacaan struktural Lacan berkisar kepada konsep S (Signified) dan s (signifier) dan ini berbeza dengan hakikat bacaan de Saussure yang berbentuk s (signifier). Nyatakan perbezaan di antara kedua S (Signified) mereka, dan perincikan bagaimanakah ini boleh terjadi, terutamanya kalau dirujukkan kepada "model-model" kajian bahasa yang dijadikan contoh.